| Tekujuk kepa | Tarian buluh                                                    |
| Tou mebau    | Ukiran berbentuk hantu tinggi                                   |
| Tuai Rumah   | Ketua rumah panjang di Sarawak                                  |
| Tugong       | Bukit                                                           |
| Tuta Uligh   | Adat habis berkabung                                            |
| Uduk         | Ukiran berbentuk manusia                                        |
| Uligh        | Adat Berkabung                                                  |
| Ulun         | Golongan hamba                                                  |





## BAB 1

### PENGENALAN



Klirieng merupakan batang balak yang dijadikan sebagai tiang pengebumian di dalam amalan pengebumian sekunder oleh masyarakat pribumi di Sarawak pada zaman lampau. Amalan pengebumian ini boleh diklasifikasikan sebagai salah satu kaedah pengebumian purba yang didapati telah diamalkan oleh beberapa suku kaum pribumi di Sarawak seperti Punan Bah, Berawan, Melanau, Kajang dan Tatau. Kepentingan klirieng di dalam perlaksanaan adat dan kepercayaan tradisi mereka menjadikan objek tersebut sebagai warisan tradisi penting yang dipelihara dan dipertahankan semenjak zaman nenek moyang mereka terdahulu.





Walaupun agak sukar untuk menyatakan dengan tepat tentang usia sebenar sesebuah klirieng atau bilakah bermulanya tradisi penggunaannya di Sarawak, namun kewujudan dan penggunaan klirieng dipercayai telah bermula sejak beberapa ratus tahun yang lampau. Klirieng yang dimiliki oleh Etnik Tatau dianggarkan dibina pada 1880 dan kini berusia lebih kurang 136 tahun. Klirieng yang terletak di Rantau Belak, Tatau ini telah diwartakan di bawah *Sarawak Cultural Heritage Ordinance 1993* sebagai monumen bersejarah di Negeri Sarawak. Dalam membicarakan soal usia klirieng yang terdapat di Sarawak, satu kajian berkaitan sejarah masyarakat di Sarawak oleh Hugo Steiner mendapati bahawa kiliring (panggilan lain bagi klirieng) milik kaum Kejaman yang kini terdapat di perkarangan Muzium Negeri Sarawak telah dibina pada 1850.<sup>1</sup> Kiliring tersebut telah dibina oleh Keding Lalang dan anaknya Tama Tipong Tului selama tiga tahun untuk menempatkan sisa rangka 5 orang ahli keluarga mereka



Amalan penggunaan klirieng di dalam budaya pengebumian tersebut dilihat sebagai suatu amalan tradisi yang sangat unik dan menarik. Perlaksanaan kepercayaan ini melibatkan pembinaan sebatang kubur dari kayu Belian yang sebahagiannya mencapai ketinggian sehingga 20 meter dan dihiasi dengan berbagai jenis motif ukiran. Beberapa upacara atau ritual keagamaan akan dilaksanakan pada setiap peringkat penghasilan sesebuah klirieng mengikut adat dan kepercayaan setiap masyarakat pengamalnya.

---

<sup>1</sup> Hugo Steiner, 2007, *Sarawak: People of the Longhouse and Jungle*, Kota Kinabalu: Opus Publications. Hlm. 95.





Penyelidik mendapati bahawa klirieng yang menjadi tumpuan kajian dalam tesis ini berfungsi sebagai tiang pengebumian atau tempat persemadian terakhir para bangsawan dan ketua masyarakat dalam kalangan etnik Tatau. Selain itu, penyelidik turut mendapati bahawa kewujudan klirieng tersebut mempunyai makna tersirat terutamanya berkaitan sistem kepercayaan etnik Tatau dalam aspek kerohanian. Etnik Tatau mempercayai bahawa klirieng merupakan suatu simbol keberanian, ketinggian status, kekayaan dan medium yang mampu menghubungkan alam dunia dan alam kematian.

Keunikan dan keistimewaan Klirieng digambarkan oleh motif ukiran yang diukir pada batang Klirieng. Kewujudan pelbagai jenis motif dan polahias yang menghiasi batang klirieng didapati menyimpan makna tertentu yang hanya dapat ditafsir dan difahami oleh masyarakat yang mengamalkan penggunaannya. Kehadiran klirieng di daerah Tatau juga secara tidak langsung membuktikan bahawa telah berlaku satu evolusi atau perkembangan dalam aspek pengetahuan dan amalan kepercayaan dalam kalangan masyarakat tersebut. Ia diperlihatkan melalui kewujudan perbagai jenis ukiran yang telah dihasilkan oleh tukang ukir mahir sehingga mampu menghasilkan ukiran yang kreatif seperti yang terukir pada tiang pengebumian tersebut. Penyelidik mendapati motif dan ukiran tersebut dapat menjelaskan cara fikir dan pandangan dunia masyarakat tersebut pada masa lampau.

Walaupun corak kehidupan etnik Tatau kini semakin berubah selari dengan perubahan semasa dalam masyarakat, namun adat resam dan kepercayaan etnik Tatau yang berpaksikan kepada kepercayaan lampau yang diwarisi dari nenek moyang mereka terdahulu yang dikenali sebagai 'Adet Bungan' masih diamalkan sehingga ke





hari ini. Etnik Tatau masih terus mempertahankan klirieng yang dimiliki mereka sebagai bukti yang dapat menjelaskan dan menguatkan fakta tentang kewujudan bangsa mereka di bumi Sarawak.

Oleh yang demikian, kajian etnoarkeologi ini akan digunakan bagi memahami beberapa aspek sejarah dan budaya suku kaum ini melalui hubungannya dengan budaya kebendaan yang diamalkan oleh mereka suatu ketika dahulu. Kajian ini amat penting untuk dilaksanakan kerana sehingga kini masih tidak terdapat penyelidik yang mengkajinya secara ilmiah.

### 1.1.1 Latar Belakang Kajian



Pengebumian merupakan satu bentuk upacara yang dilakukan untuk mengebumikan si mati mengikut agama, amalan atau kepercayaan yang dianuti oleh seseorang individu mahupun kumpulan masyarakat sejak zaman prasejarah lagi. Mengikut rekod penyelidikan arkeologi di Malaysia, terdapat pelbagai kaedah atau bentuk pengebumian prasejarah yang telah ditemui di Malaysia berdasarkan kepada peringkat zaman yang berbeza. Setiap bentuk pengebumian yang ditemui sebelum ini memperlihatkan beberapa amalan pengebumian yang nyata berbeza mengikut masa, lokasi dan kepercayaan sesebuah masyarakat. Jumpaan pengebumian terawal di negara kita seperti yang direkodkan adalah penemuan tengkorak di Gua Niah, Sarawak yang berusia sekitar 40,000 tahun yang lalu.





Menurut catatan Lucas Chin:

*By about 40,000 years ago, there were already true men living at Niah. These early people were food gatherers and simple hunters, using very crude tools known as choppers. They probably lived in small groups and already knew the use of fire which they made by striking quartz pebbles together to produce sparks directed to resin.<sup>2</sup>*

Manakala bentuk pengebumian paling awal dicatatkan adalah penemuan ‘manusia Perak’ di Gua Gunung Runtuh, Lenggong, Perak iaitu pada zaman epi-Paleolitik atau Hoabinhian yang berusia antara 10,000 hingga 11,000 tahun dahulu. Penemuan ini menunjukkan bahawa terdapat suatu kaedah pengebumian yang unik dan cermat dalam posisi fetus dan diiringi bahan kiriman berupa alat batu, cengkerang, dan daging binatang seperti babi hutan, monyet, biawak, kura-kura, rusa, harimau bintang



dan ungka.<sup>3</sup>

Pengebumian zaman Neolitik dan logam yang menarik pula ditemui di Gua Harimau, Lenggong, Perak iaitu ditemui 11 rangka manusia yang dikirimkan dengan artifak zaman tersebut dan ditemui 4 rangka manusia yang mewakili zaman logam dengan artifak gangsa.<sup>4</sup> Semenjak zaman prasejarah, bahan iringan yang dikirim bagi mengiringi si mati dipilih berdasarkan kepada status kedudukan dan keistimewaan yang dimiliki si mati.

<sup>2</sup> Lucas Chin, 1977, *Archaeological Work in Sarawak with special reference to Niah Caves, Sarawak Museum Occasional Paper No.1*, Kuching: Sarawak Museum. Hlm.11.

<sup>3</sup> Zuraina Majid, 2003, *Arkeologi di Malaysia*, Universiti Sains Malaysia: Pusat Penyelidikan Arkeologi Malaysia. Hlm. 167.

<sup>4</sup> Mokhtar saidin, 2010, *Bukti prasejarah di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 86.





Penyelidikan arkeologi yang telah dilakukan di Sabah Timur oleh Yunus Sauman<sup>5</sup> telah menemui satu lagi kaedah pengebumian yang juga unik iaitu pengebumian yang menggunakan keranda kayu balak yang bermula sekitar 1100 tahun dahulu. Pada sekitar 1000 tahun dahulu pula, keranda ini telah dihias pula dengan pelbagai ragam hias termasuk direka dengan bentuk kepala buaya, kerbau dan sebagainya.

Kajian dan penyelidikan sebelum ini amat penting sebagai rujukan yang mampu menghuraikan tentang wujudnya kepelbagaian cara atau kaedah pengebumian yang telah diamalkan oleh masyarakat zaman lampau di negara kita. Justeru, kehadiran klirieng di Tatau dilihat sebagai satu bukti sejarah yang sangat penting dan perlu dikaji bagi melengkapi rentetan sejarah pengebumian masyarakat tradisi khususnya di



### 1.1.2 Kajian Lepas

Penyelidik telah mencari maklumat dari penyelidikan-penyelidikan yang terdahulu berkaitan klirieng dan etnik Tatau. Namun, tidak terdapat penyelidik yang menulis dengan lengkap berkaitan topik yang dikaji. Kebanyakannya hanya menyentuh sedikit iaitu secara sepintas lalu tanpa huraian yang lengkap. Misalnya, kajian awal yang berbentuk tinjauan terhadap klirieng di Sarawak sebelum ini telahpun dilakukan oleh

<sup>5</sup> Yunus Sauman Sabin, 2002, *Kajian Arkeologi di Lembah Kinabatangan, Sabah dengan Tumpuan Kepada Gua Batu Tulug (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya: Fakulti Sastera dan Sains Sosial.*





Hedda Morrison<sup>6</sup> pada tahun 1976. Namun kajian ini hanya menyatakan secara sepintas lalu berkenaan terdapatnya penggunaan ‘kubur tegak’ yang diukir dari kayu yang tahan lama oleh masyarakat Kayan di Sarawak pada zaman dahulu yang digelar sebagai ‘Salong’. Namun, tiada penjelasan lanjut atau maklumat terperinci berkaitannya.

Selain itu, terdapat juga kajian yang dilakukan oleh Heidi Munan<sup>7</sup> pada tahun 2007. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya menyatakan tentang lokasi dan sedikit maklumat berkaitan senibina klirieng dalam masyarakat Punan Bah di daerah Belaga, Sarawak. Kajian beliau hanya menyatakan bahawa terdapat penggunaan klirieng dalam kalangan masyarakat tersebut. Namun kajiannya tidak menyentuh tentang klirieng di Tatau dan tiada sebarang analisis terhadap motif atau pola hias serta hubungan antara klirieng dengan kepercayaan tradisi penduduk setempat yang mengamalkannya.



Penyelidikan berkaitan warisan kebudayaan Sarawak yang dijalankan oleh Lucas Chin<sup>8</sup> pada tahun 2009 juga hanya menyentuh sedikit mengenai klirieng dengan hanya memaparkan gambar dan lokasinya sahaja tanpa sebarang penjelasan lebih lanjut. Walau bagaimanapun, penyelidik telah menjalankan kajian terhadap populasi masyarakat di Sarawak dengan memberikan jumlah penduduk Sarawak mengikut etnik melalui jadual jumlah penduduk yang dikaji. Berdasarkan jadual tersebut, beliau menyatakan mengenai jumlah masyarakat Tatau yang hanya tinggal seramai 102 buah keluarga pada masa kajian dilaksanakan. Namun, tiada maklumat lanjut mengenai

---

<sup>6</sup> Morrison, Hedda, 1976, *Sarawak*, Singapore: Federal Publications.

<sup>7</sup> Munan, Heidi, 2007, *Thrills and Treasures of Historical Landmarks Sarawak*, Shah Alam: Marshall Cavendish.

<sup>8</sup> Lucas Chin, 2009, *Cultural Heritage of Sarawak*, Kucing: Sarawak Museum.





masyarakat ini. Penulisan beliau hanya memaparkan gambar dan lokasi klirieng yang dihasilkan oleh masyarakat yang mendiami kawasan Ulu Belaga yang mana klirieng tersebut kini telah dipindahkan ke Muzium Negeri Sarawak di Kuching.

Brooke, Margaret<sup>9</sup> di dalam bukunya 'My life in Sarawak' pada tahun 1986 juga pernah menyentuh berkenaan wujudnya tiang pengebumian di dalam suku kaum Kayan. Namun, penulisannya berkaitan tiang pengebumian ini adalah sekadar sepintas lalu iaitu sewaktu menceritakan pengalamannya ketika menyusuri Sungai Rejang dan melalui kawasan berdekatan daerah Kapit. Walau bagaimanapun, penulisannya tidak menyentuh berkenaan klirieng mahupun masyarakat Tatau yang mendiami daerah Tatau.



*...and here and there along the banks of those higher reaches of the Rejang are to be seen interesting and wonderful monuments of Kayan industry, in the shape of tombs carved by the people containing the remains of their most famous chiefs.<sup>10</sup>*

Memandangkan tradisi penggunaan klirieng ini berkaitan secara langsung dengan adat kematian dan pengebumian sekunder, pengkaji telah cuba untuk mendapatkan laporan atau sebarang hasil penulisan berkaitan dengan adat kematian dalam kalangan masyarakat tempatan khususnya etnik Tatau, namun tidak terdapat satupun penulisan yang membicarakan tentangnya. Walau bagaimanapun, penyelidik

<sup>9</sup> Brooke, Margaret, 1986, *My Life in Sarawak*, New York: Oxford University Press.

<sup>10</sup> *Ibid.* Hlm. 217.





mendapati terdapat penulisan berkaitan dengan adat kematian ‘Melanau Likow’ yang menggunakan jerunei sebagai medium persemadian pemimpin dalam kalangan mereka.

Kebanyakan penulisan dan penyelidikan berkaitan pengebumian di Malaysia mahupun di Sarawak khususnya tidak menyentuh tentang tiang pengebumian klirieng. Penyelidikan yang dijalankan oleh Zuraina Majid misalnya telah menghasilkan penulisan yang bertajuk ‘Arkeologi di Malaysia’ pada tahun 2003.<sup>11</sup> Buku ini menjelaskan tentang zaman prasejarah Malaysia semenjak kemunculan manusia awal yang diketahui hingga ke era sejarah.<sup>12</sup> Penulisan ini amat menarik dengan perincian berkenaan kerja-kerja penggalian dan penemuan-penemuan arkeologi zaman prasejarah di beberapa tempat di Malaysia seperti tapak petempatan tertua di Malaysia iaitu Lembah Lenggong, Perak, Gua Niah, Sarawak dan beberapa tempat lain. Namun, catatan dalam buku ini tidak menyentuh mengenai tiang pengebumian klirieng di Sarawak.

Peter Bellwood dalam penulisannya bertajuk ‘Prasejarah kepulauan Indo-Malaysia (edisi revisi) pada tahun 2000<sup>13</sup> menyentuh berkenaan penguburan manusia di Gua Niah, Sarawak. Beliau menjelaskan berkaitan penemuan tunggal tengkorak dan beberapa tulang panjang oleh Tom Harrisson yang berusia sekitar 40,000 tahun<sup>14</sup> yang lalu iaitu dari zaman Pleistosen Akhir. Beliau turut menjelaskan tentang penguburan di

<sup>11</sup> Zuraina Majid, 2003, *Arkeologi di Malaysia*, Universiti Sains Malaysia: Pusat Penyelidikan Arkeologi Malaysia.

<sup>12</sup> *Ibid.* Hlm.18.

<sup>13</sup> Peter Bellwood, 2000, *Prasejarah kepulauan Indo-Malaysia* (edisi revisi), Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.

<sup>14</sup> *Ibid.*





tapak tersebut iaitu dari lapisan pratembikar di atas jenazah manusia dalam posisi terlipat atau duduk, dan pecahan tulang yang telah rosak seperti yang ditemui dari tapak Hoabinhian.<sup>15</sup> Menurutny, orang yang dikubur dalam posisi duduk adalah bertarikh antara 12000 SM dan 6000 SM. Manakala yang terlipat berusia kira-kira 9000 SM ke atas. Walau bagaimanapun, tidak terdapat maklumat berkaitan pengebumian yang menggunakan klirieng. Ia hanya terbatas kepada pengebumian di dalam gua pada zaman prasejarah.

Mokhtar Saidin telah menghasilkan penulisan bertajuk ‘Bukti prasejarah di Malaysia pada 2010.<sup>16</sup> Di dalam penulisan, beliau telah menghurai dan menyentuh tentang pengebumian prasejarah di Malaysia yang merangkumi pengebumian Paleolitik sehingga ke Zaman Logam. Namun, tidak terdapat maklumat berkaitan pengebumian yang menggunakan klirieng di Sarawak.

Jabatan Muzium Malaysia pada 2011 melalui buku terbitannya bertajuk ‘Tamadun Prasejarah Malaysia: Muzium Negara’ turut menulis berkenaan tamadun prasejarah di Malaysia. Penulisan di dalam buku ini menyentuh tentang pengebumian prasejarah yang bermula sekitar 40,000 tahun dahulu menerusi penemuan tengkorak di Gua Niah, Sarawak.<sup>17</sup> Apa yang menarik, buku ini menyentuh berkenaan pengebumian sekunder dalam kalangan suku kaum Orang Ulu dan Kelabit di Sarawak. Berdasarkan buku tersebut si mati dibiarkan reput dan kemudiannya tulang dan tengkorak akan

---

<sup>15</sup> *Ibid.* Hlm. 262.

<sup>16</sup> Mokhtar Saidin, 2010, *Bukti Prasejarah di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>17</sup> Jabatan Muzium Malaysia, 2011, *Tamadun Prasejarah Malaysia: Muzium Negara*, Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia. Hlm.98.





disusun di dalam tembikar, tempayan, martaban atau keranda khusus seperti ‘salong’ dan ‘klirieng’.<sup>18</sup> Namun, catatan mengenainya amat ringkas dan terbatas. Justeru, satu penyelidikan mengenainya amat perlu untuk dilaksanakan bagi melengkapi maklumat sejarah pengebumian di Malaysia.

Data dan maklumat yang diperolehi ini amat jelas menunjukkan bahawa sehingga ke hari ini, masih tidak terdapat sebarang kajian yang lengkap mengenai klirieng. Ia menyakinkan kita bahawa perlunya satu penyelidikan khusus berkaitan klirieng yang lebih komprehensif dan teliti. Penyelidikan ini akan memperolehi data-data dan maklumat baru mengenainya yang penting untuk dirungkai dan diperjelaskan. Justeru, kajian ini dilihat sangat penting untuk dilaksanakan secara ilmiah dan menyeluruh.



Terdapat juga beberapa penulisan berkaitan dengan penggunaan klirieng di dalam akhbar, tetapi sifatnya terlalu ringkas dan jauh sekali daripada menjelaskan berkaitan elemen kebudayaan ini secara ilmiah. Penulisan tersebut walaupun tidak dapat dinafikan sumbangannya dalam menyampaikan berita dan maklumat kepada masyarakat, namun ia adalah lebih bersifat sensasi daripada menyampaikan sesuatu secara akademik. Misalnya ialah artikel yang ditulis oleh Mohamed Muda pada tahun 2010 yang bertajuk ‘Misteri etnik : Klirieng bukti kewujudan suku kaum Tatau,’<sup>19</sup> artikel yang ditulis oleh Mohamed Muda & Mohd Roji Abdullah pada tahun yang sama

---

<sup>18</sup> *Ibid.*

<sup>19</sup> Mohamed Muda, 2010, Misteri Etnik: Klirieng bukti kewujudan suku kaum Tatau.





iaitu 2010 bertajuk ‘Muzium segerakan usaha selamat Klirieng bersejarah Tatau’<sup>20</sup> dan beberapa artikel lain yang menyentuh sedikit tentang klirieng.

Oleh yang demikian, dapat dinyatakan bahawa masih terlalu banyak persoalan mengenai Klirieng yang perlu dikaji terutamanya berkaitan sejarah dan penggunaan klirieng, amalan pengebumian yang diamalkan, makna dan falsafah di sebalik proses penghasilannya dan perlaksanaan upacara pengebumian menggunakan klirieng dalam etnik Tatau. Justeru, kajian ini dilihat amat perlu bagi menjelaskan pelbagai persoalan tersebut yang akan menjadi sebahagian daripada tesis ini.

## 1.2 Permasalahan Kajian



Sehingga ke hari ini, kajian terhadap klirieng adalah terlalu umum dan amat terbatas. Walaupun sebelum ini terdapat banyak penyelidikan berkaitan pengebumian di Malaysia yang dijalankan oleh para penyelidik tempatan dan luar, namun pengkajian tersebut tidak banyak menyentuh tentang amalan pengebumian klirieng di Sarawak. Beberapa penyelidik sebelum ini hanya menyentuh secara sepintas lalu mengenai kaedah pengebumian tersebut. Sehingga kini, masih tidak terdapat penyelidik yang mengkaji tentang klirieng secara teliti dan lengkap.

---

<sup>20</sup> Mohamed Muda & Mohd Roji Abdullah, 2010, Muzium segerakan usaha selamat Klirieng bersejarah Tatau.





Justeru, kajian ini akan cuba mengkaji berkenaan sejarah dan fungsi klirieng dalam kalangan etnik Tatau. Ia penting untuk melihat sejauhmana objek klirieng ini boleh dijadikan sebagai suatu cerminan terhadap cara fikir masyarakat Tatau pada zaman tersebut. Andaian awal penyelidikan berdasarkan kepada penelitian dan analisis terhadap ukiran dan pola hias yang terdapat pada batang klirieng mendapati ianya mencerminkan cara fikir dan pandangan dunia etnik Tatau pada zaman lampau.

### 1.3 Objektif Kajian

Berdasarkan kepada permasalahan kajian yang dihuraikan di atas maka objektif kajian adalah seperti berikut:



- a) Mengkaji sejarah pendudukan etnik Tatau di daerah Tatau
- b) Membincangkan adat kematian, kaedah dan proses pembuatan klirieng dalam kalangan etnik Tatau
- c) Menganalisis fungsi klirieng
- d) Menghubungkan motif polahias dengan cara fikir dan falsafah etnik Tatau





## 1.4 Skop Kajian

Isu berkaitan sejarah pengamalan dan budaya pengebumian sekunder yang menggunakan klirieng merupakan satu isu baru di dalam kajian sejarah di Malaysia. Sehingga kini, masih tidak terdapat penulisan yang lengkap atau penyelidik yang mengkaji secara mendalam berkaitan artifak sejarah ini. Oleh kerana terdapat beberapa masyarakat lain yang dahulunya mengamalkan penggunaan klirieng di Sarawak, ruang lingkup fizikal kajian ini hanya akan menfokuskan kepada daerah Tatau yang terletak di bahagian Bintulu, Sarawak. Dengan kata lain, pengkaji akan menjadikan daerah tersebut sebagai teras kepada kajian lapangan sementara tapak-tapak lain di Sarawak dijadikan sebagai panduan dan asas perbandingan terhadap data penting yang diperolehi. Kajian ini juga akan ditumpukan khusus kepada etnik Tatau yang mengamalkan tradisi penggunaan klirieng suatu ketika dahulu.

Dari segi ruang lingkup masa, pengkaji masih belum dapat memastikan dengan tepat permulaannya kerana ia bergantung kepada hasil pentarikhan yang akan dilakukan nanti. Walau bagaimanapun, apa yang pasti ialah tradisi ini dipercayai telah diamalkan sejak beratus tahun dahulu. Oleh itu, kajian ini akan bermula daripada semenjak wujudnya kebudayaan tersebut dan akan menjangkau hingga ke saat ini.





## 1.5 Metodologi Kajian

Pendekatan utama dalam penyelidikan ini ialah kajian lapangan etnoarkeologi. Disiplin ini sebenarnya merupakan satu bidang baru di Malaysia walaupun ia telah diperkenalkan lebih seabad lalu di negara-negara maju. Ia merupakan satu gabungan atau jalinan di antara bidang arkeologi dengan etnografi. Penggunaan disiplin ini dipercayai mampu menghasilkan suatu kajian yang lebih lengkap dan terperinci. Sehingga ke hari ini, pendekatan ini sudahpun menjadi semakin popular dalam kalangan ahli arkeologi tempatan. Walau bagaimanapun, sehingga kini masih belum banyak kajian yang benar-benar mengkhusus dalam bidang tersebut.

Sesuai dengan sifat bidang ini, penyelidik akan menggunakan kaedah etnografi (khususnya terhadap tradisi pengebumian) penduduk setempat yang terpilih untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan yang ditimbulkan. Pendekatan ini akan lebih ketara apabila pengkaji menghuraikan persoalan makna di sebalik simbol atau motif polahias yang terdapat pada tiang klirieng, pemilihan lokasi pengebumian dan kepercayaan yang terangkum di dalam pelaksanaan upacara pengebumian itu sendiri.

Memandangkan bidang ini masih merupakan sebahagian daripada cabang bidang arkeologi maka pendekatan arkeologi terutamanya untuk mendapatkan pentarikan relatif tetap akan dijalankan. Namun begitu pengkaji akan tetap mengambil kira beberapa masalah pentarikan seperti masalah penggunaan semula terhadap bahan-bahan pengebumian yang tentunya menuntut perbincangan yang lebih komprehensif. Pentarikan ini akan digunakan untuk menjelaskan tradisi pengebumian klirieng dalam konteks sejarah masyarakat di Sarawak.





Penyelidik juga akan menggunakan pendekatan arkeologi dalam menganalisis motif-motif polahias yang terdapat pada klirieng. Dari segi analisis terhadap polahias klirieng, penyelidik akan memberi tumpuan kepada aspek jenis polahias sama ada ia bermotif fauna, tumbuhan, geometrik, manusia atau alam semesta, juga pemilihan berdasarkan lokasi serta kecenderungan untuk mengukir motif tertentu pada tiang klirieng. Umpamanya, adakah ukiran bermotif fauna lebih cenderung diletakkan di bahagian atas, tengah atau di bahagian bawah klirieng.

Berhubung dengan sasaran kumpulan masyarakat yang akan dikaji, penyelidik akan memilih salah satu kumpulan penduduk yang dianggap sebagai *native* di bahagian Bintulu, Sarawak iaitu etnik Tatau. Kajian ini akan cuba mencari hubungan di antara masyarakat tersebut dengan amalan tradisi dan tinggalan-tinggalan klirieng yang masih belum dikesan. Dengan kata lain, kajian ini mengesahkan pengamalan tradisi penggunaan klirieng oleh etnik tersebut.

Berdasarkan kepada sifat bidang penyelidikan ini, kajian ini akan melibatkan pelaksanaan kajian lapangan. Malah kekuatan penyelidikan ini bergantung sepenuhnya kepada hasil kajian lapangan yang dapat menyokong dan memperkukuhkan lagi data yang diperolehi. Oleh itu, penyelidik telah menjalankan kajian lapangan dari tahun 2012 sehingga 2014.

Dari segi cara pengukuran data, penyelidik telah melawat lokasi tapak pengebumian klirieng yang telah dikenalpasti, mendokumentasi semua maklumat yang berkaitan iaitu lokasi, bentuk dan polahias klirieng, mengenalpasti jenis kayu yang digunakan dan budaya ritual yang diamalkan oleh mereka. Penyelidik juga telah





mendapatkan data etnografi yang berkaitan dengan adat resam dan tradisi pengebumian penduduk berdasarkan kumpulan masyarakat sasaran yang telah dikenalpasti. Pengumpulan data etnografi ini telah dilaksanakan melalui dua cara iaitu kajian lapangan dan pencarian melalui kaedah kepustakaan di Perpustakaan Negara Malaysia, Arkib Negeri Sarawak, Jabatan Muzium Sarawak, Perpustakaan Negeri Sarawak dan perpustakaan di universiti-universiti di Malaysia. Penyelidik turut meneliti rekod-rekod lama yang disimpan oleh orang perseorangan sewaktu kerja lapangan dijalankan.

Berdasarkan kepada sumber bertulis yang agak terbatas, penyelidik turut menggunakan kaedah temubual bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan. Penyelidik telah memberi keutamaan dan memilih tokoh-tokoh berkaitan yang terdiri daripada penduduk asal etnik Tatau sebagai responden yang diyakini dapat menambahkan maklumat penting yang diperlukan bagi menjawab persoalan dan permasalahan yang dikaji. Penyelidik juga telah berkesempatan menemubual beberapa tokoh lain yang telah dikenalpasti sewaktu menjalankan kajian di lokasi kajian.

Untuk menjadikan perjalanan kajian ini lebih teratur dan sistematik, penyelidik telahpun merujuk beberapa hasil kajian dalam bidang yang sama iaitu bidang etnoarkeologi. Antaranya ialah kajian yang dilakukan oleh Richard Morrall Cooler<sup>21</sup> bertajuk *The Karen Bronze Drums of Burma: The Magic Pond*. Walaupun kajian beliau itu tidak berkaitan dengan klirieng tetapi cara dan kaedah yang beliau gunakan sangat penting sebagai rujukan penyelidik. Ini kerana beliau melihat budaya masyarakat Karen dengan menggunakan artifak gendang sebagai subjek kajiannya. Umpamanya, di

---

<sup>21</sup> Cooler, Richard Morrall, 1979, *The Karen Bronze Drums of Burma: The Magic Pond*, (Ph.D. Thesis), Cornell University: Faculty of the Graduate School.





peringkat awal beliau melihat dokumen yang menyentuh tentang gendang Karen dan kemudian melihat latar belakang masyarakat Karen, penggunaan gendang tersebut dalam masyarakat, cara pembuatan gendang, perbandingan antara jenis-jenis gendang, analisis polahias dan seterusnya melihat gendang tersebut sebagai cerminan kepada budaya masyarakatnya.

Penyelidik juga telah merujuk kajian yang dilakukan oleh Yunus Sauman Sabin<sup>22</sup> bertajuk *Keranda Kayu Balak di Sabah*. Kajian beliau juga boleh dijadikan panduan dan rujukan kerana menggunakan artifak keranda kayu balak dalam menjelaskan sejarah penggunaan keranda tersebut dalam masyarakat yang mengamalkannya. Beliau turut melaksanakan analisis terhadap polahias yang terdapat pada keranda yang dikaji dengan mengaitkannya dengan *world view* masyarakat yang



mengamalkan tradisi tersebut.

## 1.6 Kesimpulan

Klirieng merupakan tiang pengebumian yang telah digunakan oleh etnik Tatau di Sarawak pada zaman lampau. Klirieng telah dibina sebagai tempat persemadian ketua masyarakat mengikut darjat atau pangkat kedudukan pemimpin tersebut. Walaupun amalan penggunaan tiang pengebumian turut diamalkan oleh beberapa suku kaum lain iaitu Melanau, Kayan, Kenyah, Punan Bah dan sebagainya, namun kaedah pembinaan

<sup>22</sup> Yunus Sauman Sabin, 2002, *Kajian Arkeologi di Lembah Kinabatangan, Sabah dengan Tumpuan Kepada Gua Batu Tulug (Disertasi Sarjana)*, Universiti Malaya: Fakulti Sastera dan Sains Sosial.





dan ritual yang dijalankan di dalam upacara pengebumian setiap suku kaum tersebut adalah berbeza mengikut adat dan kepercayaan masing-masing.

Kajian kepustakaan yang telah dijalankan mendapati bahawa masih tiada penulisan ataupun penyelidikan yang telah menulis berkaitan klirieng di Tatau secara ilmiah dan komprehensif. Kebanyakan penulisan berkaitan sejarah budaya dan masyarakat di Sarawak didapati lebih memberi tumpuan kepada kumpulan masyarakat yang besar di Sarawak seperti masyarakat Melayu, Iban, Kayan, Kenyah dan sebagainya. Walhal masih terdapat beberapa buah etnik minoriti terutamanya yang menetap di kawasan-kawasan pedalaman Sarawak yang masih belum dikaji atau didokumentasi seperti etnik Tatau.



amat perlu untuk dilaksanakan berikutan faktor kekurangan maklumat atau rekod sejarah mengenainya. Hasil kajian ini penting sebagai suatu sumber fakta yang secara tidak langsung akan melengkapi maklumat mengenai rentetan sejarah pengebumian klirieng di negeri Sarawak. Kajian ini juga akan mengesahkan fakta dan melengkapkan sejarah kewujudan etnik Tatau di daerah Tatau sepertimana yang dicatatkan oleh segelintir penyelidik. Penulisan yang dihasilkan oleh para penyelidik tersebut kemudiannya telah menjadi asas dan panduan penting yang telah digunakan oleh penyelidik dalam usaha untuk melaksanakan penyelidikan ini.

